Untuk keluarga tersayang, sanjungan tinggi ditujukan khususnya suami saya, Tengku Shahrudin Bin Tengku Shahmalek yang begitu perihatin dan bersemangat untuk berkorban, memandu dan membantu untuk menentukan keupayaan menangani pelbagai rintangan. Untuk anakanda Tg. Mohd Kashfil Adzim dan Tg. Nahzatul Shifa juga diucapkan terima kasih atas inspirasi dan segala sokongan.

Terima kasih.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Penubuhan sesebuah negara yang mengandungi pelbagai kumpulan etnik memerlukan satu kesatuan dan kerjasama politik, ekonomi dan sosial yang kukuh dan sepadu. Kesatuan etnik hanya dapat dicapai melalui interaksi sosial. Lebih erat pola interaksi sosial yang dibentuk antara etnik maka semakin kukuh perpaduan serta persefahaman rakyat di negara itu. Interaksi sosial dalam kalangan penduduk dapat menentukan kestabilan politik, sosial, ekonomi serta kesejahteraan rakyat. Interaksi sosial merupakan satu aspek penting dalam pembinaan jati diri terutama dalam kalangan masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Dalam kalangan negara-negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik seperti Amerika Syarikat, England, Switzerland, Belanda, India, Indonesia, Australia dan Malaysia menghadapi pelbagai cabaran serta kesulitan dalam usaha mengintegrasikan rakyatnya. Keadaan ini menjadi semakin sukar dan rumit jika setiap kumpulan etnik mahu mengekalkan identiti masing-masing dan tidak mahu menerima satu identiti nasional yang dapat mewujudkan perpaduan antara pelbagai kumpulan etnik.

Persoalan pola interaksi sosial telah mendapat perhatian daripada ahli sains sosial terutamanya Geertz (1963), Myron (1966), Wallerstein (1966), Mehden (1969), Tumin (1969), Smith (1969), Bullivant (1981), Ooman (1997), Smolicz (2001) yang secara mendalam cuba menghuraikan tentang punca-punca tercetusnya konflik etnik dan hubungan ras dalam kalangan penduduk pelbagai etnik dalam sesebuah negara untuk mencapai integrasi nasional.

Masalah pola interaksi sosial akan menjadi lebih rumit jika anggota masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik tidak mengenali antara satu sama lain kerana terpisah oleh perbezaan ciri asas atau *primordial*, seperti agama, bahasa, budaya, dan ekonomi, politik, wilayah dan pengalaman sejarah. Ciri-ciri perbezaan yang ketidaksamaan ini menjadi penghalang utama dalam proses pembinaan pola integrasi sosial dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik. Kenyataan ini ditegaskan oleh Rabuskha (1972:21) yang menyatakan:

“Dalam masyarakat pelbagai kumpulan etnik ciri-ciri perbezaan seperti bahasa, agama, dan budaya selalunya menghalang integrasi sosial dan perpaduan sukar dicapai .”

Walaupun terdapat model-model penyelesaian kepada permasalahan masyarakat majmuk seperti *teori Political Integration* (Ake, 1967), *Model Conflict Regulation* (Nardlinger, 1972), *Model Democracy Without Consensus*, (Varys, 1975), dan *Model Consociational Democracy* (Lijphart, 1977) namun masalah konflik perkauman terus tercetus kerana model dan teori yang dinyatakan hanya berdasarkan penyelesaian konflik perkauman melalui politik.

Mengikut Wilson (1977) tidak kesemua permasalahan masyarakat majmuk boleh diselesaikan melalui kaedah penyelesaian politik yang diterajui oleh sekumpulan elit yang berpengaruh sahaja, tetapi masalah ini harus ditinjau dari berbagai faktor termasuk faktor ekonomi, sosio-budaya dan pendidikan.

Pendidikan melalui proses persekolahan merupakan suatu bentuk pola interaksi sosial antara manusia. Aspek sosial dalam proses pendidikan boleh dikonsepsikan dengan melihat keadaan saling bergantung antara murid dengan murid yang lain dalam proses pembelajaran. Di Malaysia terdapat Sistem Pendidikan Kebangsaan dan salah satu matlamat keseluruhan ialah perpaduan nasional.

1.1 Masyarakat Majmuk Di Malaysia

Malaysia adalah sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada masyarakat majmuk yang diwakili oleh etnik Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, Murut dan kumpulan etnik minoriti yang lain. Taburan peratus penduduk Semenanjung Malaysia ialah Melayu (62%), Cina (29%), India (8%) dan bangsa lain (1%) (Malaysia, 2003; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2003). Ketiga-tiga kaum utama Melayu, Cina dan India mempunyai perbezaan dari segi bangsa, agama, bahasa, budaya, tempat tinggal dan cara hidup.

Mengikut Syed Husin Ali (1984), pola kegiatan ekonomi orang Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar dengan menjalankan aktiviti pertanian,

orang India tinggal di ladang getah sebagai buruh ladang dan orang Cina yang tinggal di kawasan bandar menjalankan aktiviti perniagaan. Kegiatan ekonomi begini mempengaruhi pola penempatan penduduk Malaysia terutama pada zaman sebelum merdeka. Pola taburan penduduk berdasarkan lokasi dan kegiatan ekonomi berterusan sehingga Malaysia mencapai kemerdekaan. Perubahan pola taburan penduduk berdasarkan lokasi dan kegiatan ekonomi hanya berlaku setelah Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan pada 1971 setelah peristiwa 13 Mei 1969 (Mac.Andrews,1977). Sekitar tahun 1980an usaha untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang bersefahaman, bersatupadu dan bertoleransi semakin giat dilaksanakan melalui Jabatan Perpaduan Negara seperti Perpaduan Nasional, Rukun Negara dan penonjolan perkataan nasional bagi memenuhi rupa bangsa di Malaysia walaupun ia merupakan satu usaha yang amat berat dan mencabar.

Fakta sejarah menunjukkan orang Melayu merupakan penduduk asal atau pribumi (Syed Husin Ali, 1984). Orang Cina dan orang India dianggap sebagai kaum imigran (Khoo Kay Kim,1980). Orang Cina dan orang India dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh pihak British pada pertengahan abad ke 19 dan awal abad ke 20 untuk mengusahakan kegiatan ekonomi kolonialis terutama dalam sektor bijih timah dan getah. Setelah merdeka ramai daripada kumpulan imigran, dan anak-anak imigran yang dilahirkan di Tanah Melayu mahu terus tinggal di Tanah Melayu sebagai penduduk tetap (Mohd Suffian Hashim,1976; Marimuthu, 1984; Mohd. Aris, 1988).

Furnivall (1965) menjelaskan masyarakat majmuk merujuk kepada penduduk berbagai kaum yang tinggal di suatu kawasan tetapi mengamalkan kebudayaan, agama, bahasa dan adat resam yang tersendiri. Furnivall (1965) menjelaskan masyarakat Malaysia sering ditakrifkan sebagai masyarakat majmuk. dengan komuniti Melayu, Cina, dan India hidup sebelah menyebelah tetapi berasingan dari segi kepercayaan, budaya dan bahasa. Walaupun masyarakat Melayu, Cina dan India hidup sebelah menyebelah tetapi terpisah oleh ciri perbezaan bahasa, budaya dan agama. Konsep masyarakat majmuk yang dikemukakan oleh Furnivall adalah berdasarkan kepada kajiannya di Indonesia dan Burma. Konsep ini digunakan secara khas untuk merujuk kepada masyarakat tropikal yang di bawah kuasa penjajah yang mengamalkan dasar pecah dan perintah. Kumpulan etnik ini hidup secara berasingan sehingga menjadikan pola interaksi sosial antara etnik terhadap dan jikapun berlaku hanya dalam urusan jual beli terutama barang-barang keperluan harian. Penjajah Inggeris menimbulkan konflik dalam dan luar etnik dengan tujuan menimbulkan perpecahan. Dasar ini berjaya dilaksanakan di India, Burma, Malaysia dan Vietnam (Mukherjee dan Jasbir, 1985). Walaupun berbagai kaum tetapi penduduk ini berganding bahu di bawah satu sistem politik yang sama. Kebanyakan pembahagian tugas dilakukan atas garis-garis ras (Mac.Andrews, 1977),

Berdasarkan takrifan yang dikemukakan oleh Furnivall, pembentukan sesuatu masyarakat majmuk bergantung kepada kepelbagaian etnik dalam sesuatu masyarakat. Idea Furnivall mengenai masyarakat majmuk telah

dibincangkan oleh Smith, 1965, Marimuthu, 1988 dan Smolicz, 1997. Smith telah menjalankan kajian dan satu analisis tentang masyarakat majmuk. Smith menyatakan masyarakat majmuk sebagai masyarakat yang mempunyai kepelbagaian budaya, perpecahan sosial dan perselisihan. Dari segi kuasa politik masyarakat majmuk dikuasai oleh kumpulan majoriti yang mempunyai latar belakang kebudayaan yang tersendiri. Kebudayaan yang diamalkan oleh kumpulan majoriti ini dianggap dominan yang akan menjadi teras kepada pembentukan budaya nasional.

Malaysia juga menghadapi masalah perkauman, seperti yang dinyatakan oleh Furnivall dan Smith, terutama bersabit dengan isu-isu kewarganegaraan, budaya, bahasa, pendidikan, politik dan ekonomi yang menyebabkan wujud perselisihan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik. Bagi menjamin ketenteraman, keperluan untuk pemupukan pola interaksi sosial perlu diberi keutamaan bagi mengurangkan jurang perbezaan di antara etnik. Berbagai-bagai dasar dan aktiviti sosial yang menjurus kepada integrasi antara kaum disediakan dengan harapan pelbagai etnik lebih mengenal corak kehidupan dan budaya etnik Melayu, Cina dan India. Menurut Georg Simmel (1976) oleh kerana pemahaman latar belakang dan kebudayaan di antara kumpulan etnik adalah berlainan, pola interaksi sosial dalam kalangan masyarakat majmuk harus ditingkatkan bagi mengurangkan jurang perbezaan sama ada dari segi bangsa, budaya, agama dan bahasa. Dengan itu jelaslah pola interaksi sosial dalam kalangan masyarakat majmuk harus di beri keutamaan bagi menjamin proses pembinaan kebangsaan dan


pembangunan negara dalam kalangan generasi muda terutama yang berada di bangku sekolah bermula pada peringkat tadika, sekolah rendah hingga ke sekolah menengah.

1.2 Proses Sosialisasi Golongan Imigran di Malaysia

Proses sosial golongan imigran di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga tahap, sama seperti yang diajukan oleh Mc.Lemore dan Romo (1998) melalui kajian yang dijalankan terhadap golongan imigran (Eropah Timur dan Selatan dan Timur Jauh) di Amerika Syarikat pada tahun 1996. Proses sosial yang dikemukakan oleh Mc.Lemore dan Romo dapat diaplikasikan dalam mengkategorikan golongan imigran di Malaysia.

Mengikut kajian Mc.Lemore dan Romo (1998) pada tahap pertama golongan imigran masih berpegang teguh kepada budaya tradisi yang diwarisi dari negara asal dan adalah sukar bagi golongan imigran untuk pola berinteraksi sosial dengan penduduk tempatan (Eropah Barat dan Utara dan Anglo-Saxon). Golongan imigran ini masih berpegang kuat kepada amalan budaya tradisi dalam kehidupan seharian walaupun tidak berada di tanah air sendiri. Pada tahap kedua, amalgamasi berlaku apabila golongan imigran menerima nilai dan budaya masyarakat tempatan dan mempraktikkannya bilamana sesuai. Pada tahap ketiga, proses asimilasi berlaku apabila golongan imigran dapat menerima adat, bahasa, budaya dan agama penduduk asal yang menjadi golongan majoriti di sesuatu lokasi. Di Malaysia

proses sosialisasi melalui pola interaksi sosial dapat digambarkan melalui rajah 1.1 di bawah:



Rajah 1.1 : Proses Sosialisasi

Di Malaysia masyarakat imigran berada dalam tahap 1 dan 2. Masyarakat imigran yang berada pada tahap 1 dan 2 akan melalui proses akomodasi ataupun penyesuaian dan penyisipan antara budaya (Syed Husin Ali, 1984) dalam kalangan pelbagai etnik. Akomodasi adalah satu keadaan atau proses apabila kelompok-kelompok bersetuju untuk menghentikan atau mengelakkan konflik dengan mengadakan interaksi secara damai untuk sementara atau selama-lamanya. Interaksi sosial yang diwujudkan ini membolehkan kelompok-kelompok yang terlibat meneruskan identiti walaupun

mengamalkan sikap yang berlainan antara satu kumpulan etnik dengan kumpulan etnik yang lain.

1.3 Pola Interaksi Sosial Melalui Pendidikan

Pola interaksi sosial antara kumpulan pelbagai etnik dapat dipupuk melalui dasar pendidikan kebangsaan yang berorientasikan perpaduan (Vander Zanden, 1989). Interaksi sosial harus disemai pada peringkat kanak-kanak lagi dan sekolah menjadi tempat yang paling sesuai untuk memupuk semangat pola interaksi sosial. Sekolah berfungsi sebagai tapak asas yang dapat menginteraksikan kanak-kanak pelbagai etnik dalam satu persekitaran budaya dan masyarakat sekolah yang bertoleransi.

Sekolah merupakan tempat kanak-kanak berpeluang belajar secara bersama, bermain, mencari kawan baru, membina persefahaman serta perasaan persaudaraan dengan murid-murid lain, sama ada dengan rakan sebangsa mahupun berbangsa lain. Sekolah bukan sahaja berfungsi sebagai tempat memperoleh ilmu dan kemahiran tetapi sebagai tempat mengalami penyesuaian, tolak ansur dan pemupukan nilai-nilai murni sejagat. Sehubungan ini para pendidik sependapat menyatakan bahawa sekolah memupuk benih-benih pola interaksi sosial sama ada dalam kalangan masyarakat serumpun atau masyarakat majmuk. Sekolah merupakan tempat yang paling sesuai untuk kanak-kanak mengenali diri dan masyarakat di sekelilingnya (Kenneth, 1995; Kegan, 1997; Swift, 1997; Cole, 1999; dan Chiam, 2002).

Commanger (1993) berpendapat :

“Setiap dekad selepas tahun 1840 melihatkan dari dua hingga lapan juta orang asing masuk ke Amerika Syarikat. Tidak ada negara lain yang telah menyerap keturunan bangsa yang begitu besar dan berlainan dengan begitu cepat dan berjaya seperti di Amerika Syarikat. Sekolah umum di Amerika Syarikat telah terbukti berfungsi sebagai agensi yang paling cekap dalam proses interaksi.”


Loh dalam bukunya *Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874 -1940*, telah membincangkan tentang sistem pendidikan bermula daripada zaman kolonial sehingga ke zaman pendudukan Jepun. Loh telah menunjukkan bagaimana penjajahan British dan sikap pegawai-pegawai Inggeris telah mempengaruhi kewujudan empat jenis sistem pendidikan ataupun *segmented education* di negara ini. Implikasinya, sistem pendidikan berdasarkan etnik ini terus diamalkan sehingga sekarang (Syed Husin Ali, 1984). Sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan tidak terdapat sebarang dasar ke arah pembentukan sistem pendidikan kebangsaan (Wan Hashim, 1981). Kerajaan Inggeris lebih cenderung mengamalkan sistem pendidikan secara terpisah bagi setiap kumpulan etnik. Kerajaan Inggeris menggalakkan penubuhan sistem persekolahan yang bercorak perkauman iaitu, Pendidikan Melayu, Pendidikan Inggeris, Pendidikan Cina dan Pendidikan Tamil untuk memenuhi keperluan pendidikan asas kaum masing-masing. Sistem pendidikan yang dilaksanakan pada zaman penjajahan Inggeris dibahagikan berlandaskan kepada kepentingan etnik (Loh,1975; Koh,1999). Akibat daripada sistem pendidikan berorientasikan etnik ini maka wujud empat jenis aliran bahasa, iaitu Melayu,

Inggeris, Cina dan Tamil dalam empat jenis sekolah yang berasingan (Loh, 1975; Wan Hashim Wan Teh, 1981; Syed Husin Ali, 1984 dan Koh, 1999).

Sekolah-sekolah Melayu terletak di kawasan perkampungan Melayu dan begitu juga dengan sekolah Cina yang kebanyakannya didirikan di bandar dan sekolah Tamil jauh terpencil di ladang getah (Loh, 1975; Haris Md.Jadi, 1983; Santhiram,1999 dan Kua Kia Song, 1999). Sistem persekolahan yang diamalkan oleh setiap kumpulan etnik mempunyai dasar, tujuan, kurikulum, sukatan pelajaran, bahasa pengantar, buku teks, sekolah, latihan perguruan yang tersendiri dan berbeza-beza di antara satu sekolah etnik dengan sekolah etnik yang lain. Dengan itu empat jenis persekolahan iaitu sekolah Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil menunjukkan ciri-ciri seperti (a) peluang pendidikan bagi penduduk tidak seimbang antara kaum (b) sekolah untuk kaum dengan penggunaan bahasa pengantar masing-masing (c) empat jenis persekolahan mengikut sukatan pelajaran yang berbeza-beza. Sistem persekolahan yang berbeza-beza dan mengasing murid berbagai kaum hanya menyuburkan lagi semangat perkauman (Leonard, 2002). Apabila terdapat matlamat dan ideologi pendidikan yang berbeza di dalam sesebuah masyarakat majmuk dengan setiap kaum cuma mementingkan pendidikan kaum masing-masing maka usaha mengintegrasikan pelbagai kaum adalah agak sukar untuk dicapai (Leonard, 2002).

Sistem persekolahan terpisah seperti yang diamalkan oleh pelbagai kumpulan etnik ini kurang dapat mengintegrasikan pelbagai etnik. Keadaan

ini berlaku kerana setiap sekolah etnik ini masih menggunakan kurikulum pendidikan yang berlainan (Loh, 1975). Apabila setiap etnik menggunakan sekolah dan kurikulum pendidikan yang berlainan aspirasi kerajaan untuk menyatupadukan rakyat tidak dapat direalisasikan (Despres, 1967; Leonard, 2002). Mengikut Despres (1967) lagi jika setiap sekolah mengamalkan kurikulum yang berlainan, keadaan ini akan mencetuskan segrigasi antara penduduk dan gejala ini akan mengakibatkan berlakunya perpecahan antara kaum kerana setiap kumpulan etnik mempunyai matlamatnya tersendiri dan apabila tidak disatukan dalam satu institusi, diversifikasi akan berlaku. Implikasi daripada keadaan ini akan berlaku prasangka dan kecurigaan, mencetuskan pergaduhan antara kaum, toleransi dan saling kerjasama kurang berlaku dan memudahkan berlakunya perpecahan dan persengketaan, dan kesannya negara akan porak-peranda dan tidak stabil. Rajah 1.2 menunjukkan sistem yang dilaksanakan pendidikan semasa penjajahan British.



(Bock,1976)

Rajah 1.2 : Pendidikan Semasa Penjajahan British

Sistem persekolahan yang diperkenalkan oleh Inggeris mengakibatkan berlakunya perpisahan antara kumpulan etnik. Sistem pendidikan yang bersifat perkauman ini tidak memungkinkan pola interaksi sosial berlaku

diantara murid Melayu, Cina dan India. Sistem persekolahan yang bersifat perkauman ini kurang memberi ruang dan peluang kepada murid memahami perbezaan dan persamaan yang terdapat sesama kumpulan etnik (Cosser, 1978). Sistem pendidikan yang diamalkan ini dapat menebalkan lagi semangat perkauman terhadap pelbagai etnik.

Sistem persekolahan yang berdasarkan etnik ini telah melahirkan empat aliran ideologi perkauman, empat jenis kebudayaan, dan empat jenis bahasa pengantar yang digunakan di sekolah masing-masing. Keadaan ini akan mendatangkan implikasi serius terhadap proses pola interaksi sosial antara murid pelbagai etnik serta perpaduan rakyat. Selepas 1957 usaha menyemai unsur-unsur perpaduan melalui satu sistem pendidikan kebangsaan telah dilaksanakan kepada anak Melayu, Cina dan India (Wan Hashim, 1981). Usaha-usaha membina interaksi sosial serta perpaduan masyarakat melalui pendidikan dapat dikenal pasti melalui laporan-laporan pendidikan, ordinan pendidikan, Rukun Negara, dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang diperkenalkan secara berperingkat-peringkat.

Usaha pertama ke arah menggalakkan pola interaksi sosial antara murid pelbagai etnik melalui pendidikan dinyatakan dalam Laporan Barnes atau *Barnes Report (1950)*. Laporan Barnes mencadangkan penubuhan dua sistem persekolahan sahaja di peringkat sekolah rendah iaitu sekolah Inggeris dan sekolah Melayu yang akan mencerminkan identiti kebangsaan. Bahasa Inggeris dan bahasa Melayu akan digunakan sebagai bahasa

penghantar. Di peringkat sekolah menengah pula cuma bahasa Inggeris dicadangkan sebagai bahasa pengantar. Sekolah-sekolah Inggeris akan dibiayai secara sepenuh oleh kerajaan dan berikutnya dikenali dengan sekolah kebangsaan atau *National Schools*. Sekolah Cina dan Tamil dicadangkan supaya dimansuhkan secara berperingkat-peringkat. Bagaimanapun bahasa Cina dan bahasa Tamil akan diajar sebagai satu mata pelajaran di sekolah-sekolah kebangsaan.

Laporan Barnes adalah penting kerana buat pertama kalinya satu kenyataan telah dibuat mengenai pendidikan yang patut memainkan peranannya bagi mengurangkan jurang perbezaan kaum dan mengintegrasikan semua kaum ke arah satu negara yang bersatu padu. Laporan Barnes juga yakin bahawa sekolah-sekolah Inggeris boleh digunakan untuk mencapai integrasi sosial. Setiap bilik darjah mencerminkan sebuah negeri Tanah Melayu yang kecil yang jarang berlaku masalah kaum dan agama (Council Paper No.553 of 1946). Minat untuk menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah menengah sebagaimana yang dicadangkan oleh Laporan Barnes merupakan langkah kerajaan British mengurangkan ketegangan dalam masalah pendidikan. Walaupun langkah kerajaan British adalah untuk mengurangkan ketegangan tetapi sebaliknya penduduk Tanah Melayu terutama orang Melayu tidak bersetuju dan menentang penggunaan bahasa Inggeris sebagai alat menyatupadukan rakyat.

Laporan Barnes ternyata berusaha untuk mengurangkan sistem persekolahan pelbagai kaum yang menghalang proses pola integrasi sosial antara murid pelbagai etnik dan perpaduan dalam kalangan rakyat. Sungguhpun Jawatankuasa Barnes mempunyai rasionalnya apabila mencadangkan penubuhan sekolah-sekolah kebangsaan dan dalam pemilihan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan sebagai bahasa yang sesuai bagi mengintegrasikan semua kaum, cadangan ini mendapat tentangan hebat dari kaum Cina yang melihat tindakan tersebut sebagai satu usaha sengaja untuk menghancurkan bahasa dan kebudayaan Cina. Jelas menunjukkan usaha untuk mengintegrasikan etnik di Tanah Melayu telah diusahakan sejak tahun 1950an lagi. Walau bagaimanapun usaha-usaha ini terhenti sekerat jalan kerana ada bangkangan daripada kumpulan imigran lain yang mahu kekalkan sekolah-sekolah etnik .

Sebagai satu jalan tolak ansur, pada Januari 1951, kerajaan telah membentuk satu lagi Jawatankuasa yang di ketuai oleh William Fenn, seorang pendidik Cina dan Wu Teh Yao seorang pegawai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengkaji sistem persekolahan vernakular Cina serta mendapat pandangan masyarakat Cina terhadap pendidikan Cina di negara ini. Jawatankuasa Fenn-Wu memang bersimpati dengan pendidikan dalam kalangan masyarakat Cina. Laporan Fenn-Wu menjelaskan bahawa masyarakat Cina mahu status sekolah Cina dikekalkan dan murid-murid Cina sanggup belajar tiga bahasa iaitu bahasa Cina, bahasa Melayu dan bahasa

Inggeris dan bahasa Cina diberi pengiktirafan sama seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Laporan Barnes dan Fenn-Wu mempunyai falsafah yang berbeza membangkitkan secara terbuka perbahasan jenis pendidikan yang sesuai bagi Tanah Melayu. Perbezaan yang ternyata ialah cara-cara untuk mencapai matlamat sebuah negara Tanah Melayu. Laporan Fenn-Wu misalnya, menyatakan jika Tanah Melayu bermatlamat politik dan semua rakyat Tanah Melayu dapat dilibatkan secara logik, semua sekolah patut dinilai secara kritis sumbangan-sumbangan ke arah kesatuan politik dalam kalangan penduduk pelbagai etnik. Laporan Fenn-Wu bercanggah dengan Laporan Barnes yang mencadangkan penubuhan satu corak sekolah kebangsaan yang merentasi ciri-ciri semua kaum. Laporan Fenn-Wu menyokong supaya sistem persekolahan majmuk dikekalkan dan menekankan keperluan untuk memberi pengiktirafan kepada bahasa Cina selain bahasa Melayu dan Inggeris. Kedua-dua laporan ini dikaji semula oleh satu Jawatankuasa Penasihat Pusat Pelajaran yang kemudian telah menyerahkan laporan ini kepada Jawatankuasa Khas untuk dipertimbangkan dan “memperakukan kepada kerajaan untuk perundangan yang sesuai”. Hasil kesemua Laporan yang telah dibincangkan ialah Ordinan Pelajaran 1952.

Pada dasarnya, Ordinan Pelajaran 1952 berusaha untuk mengurangkan jurang perbezaan yang terdapat dalam sistem persekolahan di Tanah Melayu dengan menjadikan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris

sahaja sebagai bahasa penghantar di sekolah. Laporan Barnes telah mencadangkan dua jenis sekolah kebangsaan dan kanak-kanak dari semua keturunan pelajaran percuma selama enam tahun dengan menggunakan bahasa-bahasa rasmi iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Di samping itu kemudahan akan disediakan untuk murid-murid Cina dan India di sekolah-sekolah kebangsaan untuk mempelajari bahasa Cina dan bahasa Tamil. Ordinan Pelajaran 1952 juga mendapat tentangan daripada orang Cina yang mahu sistem persekolahan vernakular dikekalkan dengan bahasa-bahasa Inggeris, Melayu, Cina dan India sebagai bahasa pengantar. Ordinan Pelajaran 1952 gagal dilaksanakan kerana Laporan Barnes telah banyak mempengaruhi Ordinan berhubung dengan dasar bahasa di sekolah-sekolah. Dasar bahasa telah menimbulkan tentangan yang hebat daripada masyarakat Cina apabila mendapati tidak terdapat sebarang cadangan untuk meletakkan bahasa Cina ke dalam sistem pendidikan yang hendak dibentuk. Dengan itu usaha pertama untuk mengintegrasikan semua kaum di bawah satu sistem pendidikan di peringkat sekolah rendah telah menghadapi pelbagai halangan dan tentangan .

Halangan daripada masyarakat Melayu, Cina dan India ialah terhadap isu-isu yang berkaitan dengan penyusunan semula sistem persekolahan dan implikasinya ke atas sekolah-sekolah vernakular dan bahasa-bahasa yang terlibat dengannya. Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina mengecam Ordinan Pelajaran 1952 dan menganggapnya sebagai satu rancangan yang bertujuan untuk menghapuskan semua pendidikan Cina di Tanah Melayu. Kecaman

yang dibuat oleh Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina diikuti pula dengan penghantaran satu memorandum kepada Vijayalakshmi Pandit, Presiden Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu yang melawat Tanah Melayu pada bulan Ogos, 1954. Memorandum tersebut meminta Kerajaan Persekutuan supaya menarik balik Ordinan 1952 yang dianggap sebagai bertujuan untuk menghapuskan semua sekolah Cina. Sebaliknya memorandum tersebut mencadangkan supaya sistem persekolahan majmuk yang telah dibentuk dikekalkan dengan bahasa-bahasa Inggeris, Tamil, Cina dan Melayu dijadikan bahasa pengantar.

Tentangan orang-orang Melayu terhadap Ordinan Pelajaran 1952 telah dipelopori oleh Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Semenanjung. Pada asasnya kesatuan tersebut meminta supaya taraf sekolah-sekolah Melayu ditingkatkan dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan taraf guru-guru sekolah Melayu ditingkatkan. Walau bagaimanapun isu-isu berkaitan Ordinan Pelajaran 1952 dipendamkan dalam parti politik masing-masing kerana pilihanraya Persekutuan akan diadakan dan Parti Perikatan merasakan bahawa isu ini boleh menyebabkan perpecahan. Dengan kemenangan Parti Perikatan isu-isu berkaitan pendidikan menjadi lantang dari dahulu. Abdul Razak bin Hussein sebagai Menteri Pelajaran yang pertama telah menyatakan perlunya kajian dilakukan ke atas Ordinan Pelajaran 1952.

Selepas Perikatan menang dalam pilihan raya tahun 1955, kerajaan Persekutuan melantik satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Abdul Razak bin Hussein untuk mengkaji semula keseluruhan dasar dan pelaksanaan pendidikan di Tanah Melayu. Tugas-tugas Jawatankuasa Pendidikan adalah membentuk sistem pendidikan yang dapat diterima oleh semua rakyat kerana kegagalan penyatuan sistem pendidikan yang dilaksanakan oleh British. Juga dicadangkan supaya Ordinan pelajaran 1952 dikaji serta dibuat pindaan. Seterusnya bahasa Melayu diperakukan sebagai bahasa kebangsaan di samping menjamin perkembangan bahasa dan kebudayaan kaum-kaum lain. Jawatankuasa juga mencadangkan corak sistem pendidikan kebangsaan.

Laporan Jawatankuasa Pelajaran 1956 yang juga dikenali sebagai Laporan Razak merupakan usaha pertama ke arah memupukan integrasi sosial melalui pendidikan. Ini termaktub dalam Laporan Razak (1956:12) iaitu:

“Tujuan dasar pelajaran di dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walau pun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur-ansur”.

Kenyataan di atas menjelaskan matlamat Laporan Razak untuk mengintegrasikan semua bangsa di Tanah Melayu melalui penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Di samping itu Laporan Razak juga

mencadangkan kurikulum yang sama dan yang “bercorak Tanah Melayu” bagi semua sekolah rendah termasuk sekolah Cina dan sekolah Tamil. Bagaimanapun Laporan Razak tidak menghalang kewujudan sekolah rendah Cina dan Tamil. Sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil dibenarkan berterusan. Semua sekolah rendah diklasifikasikan kepada dua jenis sekolah iaitu Sekolah Umum (Sekolah Kebangsaan) dan Sekolah Jenis Umum (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil). Cadangan ini merupakan satu tolak ansur untuk mengekalkan perpaduan semua kaum di negara ini memandangkan Tanah Melayu dalam proses mendapat kemerdekaan. Bagaimanapun Laporan Razak juga tidak dapat menyelesaikan isu dan masalah meletakkan semua murid pelbagai kaum di bawah sekolah rendah yang sama seperti dicadangkan oleh Laporan Barnes. Sebaliknya pendidikan sekolah rendah masih disegregasikan mengikut aliran-aliran tertentu dengan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah ini sehingga sekarang.

Laporan Razak dengan jelas memberi penekanan kepada perpaduan negara sebagai satu matlamat yang perlu dicapai. Ini bermakna bahawa unsur-unsur dan nilai-nilai perpaduan dijadikan teras dasar pendidikan kebangsaan untuk menjamin kesejahteraan dan kepentingan masyarakat Tanah Melayu yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik. Oleh kerana masyarakat di Malaysia berupa masyarakat majmuk, maka perpaduan yang diwujudkan mesti berupaya menangkis gejala-gejala yang boleh memecah-belahkan rakyat. Gejala-gejala tersebut umpamanya adalah gejala-gejala

perkauman, keturunan, agama, bahasa, perasaan kedaerahan. Laporan Razak telah disusun semula selepas enam tahun dilaksanakan

Pada bulan Februari 1960, sebuah Jawatankuasa Penyemak Pelajaran ditubuhkan untuk mengkaji semula pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan seperti yang terkandung dalam Penyata Razak, 1956. Jawatankuasa Penyemak Pelajaran diketuai oleh Abdul Rahman bin Talib. Laporan Rahman Talib telah siap pada Jun 1960 dengan mengekalkan konsep asal yang terdapat dalam Ordinan Pelajaran 1957 iaitu (a) bahasa Melayu dan bahasa Inggeris diwajibkan di semua sekolah dan (b) satu sukatan pelajaran yang sama untuk semua sekolah. Laporan Rahman Talib telah diakui dan diluluskan sebagai Akta pelajaran 1961. Di antara syor-syor utama Laporan Rahman Talib untuk memperkukuhkan lagi pola integrasi sosial murid pelbagai kaum dan memberi erti kepada pendidikan kebangsaan adalah dengan melaksanakan semua peperiksaan awam dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja. Mulai tahun 1962, kelulusan dalam mata pelajaran bahasa Melayu adalah diwajibkan dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Dalam Laporan Rahman Talib bahasa Melayu diberi keutamaan yang mana kelulusan dalam Sijil Rendah Pelajaran adalah wajib. Murid daripada pelbagai kumpulan etnik akan mengikuti satu bahasa yang sama. Dengan penggunaan satu bahasa yang sama diharapkan dapat meningkatkan interaksi sosial pelbagai kumpulan etnik (Katz, 1980).

Laporan Rahman Talib 1960 merupakan kesinambungan daripada Laporan Razak 1956. Sekolah rendah mengikut aliran bahasa ibunda diteruskan dengan murid di sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran desegregasikan. Perbezaan penempatan murid mengikut pelbagai aliran ini menyebabkan murid kurang dapat berinteraksi dengan kumpulan etnik yang berlainan. Mengikut Vasta (1992) murid yang disegregasikan pada peringkat umur seawal 6 tahun kurang bertoleransi dan gemar jarak sosial yang jauh dengan kumpulan etnik yang berlainan. Dengan itu di antara tahun 1960 sehingga 1969 pendidikan di Malaysia telah memperlihatkan pelaksanaan Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib yang telah memperkenalkan pendidikan bercorak Tanah Melayu melalui kurikulum yang sama di semua sekolah rendah dengan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan.

Selepas peristiwa 13 Mei 1969 sistem pendidikan di Malaysia menitikberatkan perpaduan nasional dengan berlandaskan ideologi Rukun Negara (Wan Hashim, 1981; Nagendralingam, 1985 dan Tan Chee Beng, 1987). Rukun Negara telah diistiharkan pada 31 Ogos 1970. Rukun Negara merupakan satu falsafah serta ideologi negara untuk menentukan kehidupan rakyat serta masa depan negara. Prinsip-prinsip Rukun Negara adalah kepercayaan kepada tuhan, kesetiaan kepada raja dan negara, keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan kesopanan dan kesusilaan.

Rukun Negara adalah penting kerana ia telah meletakkan asas falsafah bagi negara apabila membentuk dan melaksanakan dasar-dasar pembangunan dan integrasi nasional. Dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971 - 1975), integrasi nasional diberi penekanan dengan jelas “Perpaduan negara adalah matlamat yang penting sekali bagi negara ini”. Melalui amalan prinsip-prinsip Rukun Negara diharapkan akan dapat mencapai perpaduan di antara masyarakat berbilang kaum, mencipta masyarakat Malaysia yang adil, memelihara tradisi-tradisi rakyatnya dan membina masyarakat Malaysia yang progresif. Dalam Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib dinyatakan bahawa satu saluran penting untuk mencapai perpaduan rakyat adalah melalui pendidikan kebangsaan. Dengan itu pendidikan di Malaysia diubahsuai ke arah cita-cita yang terdukong dalam lima prinsip Rukun Negara.

Mulai 1970, bahasa pengantar di Sekolah Rendah Kebangsaan Inggeris ditukar kepada bahasa Melayu secara berperingkat-peringkat, mulai daripada Darjah 1 hingga Darjah 6 pada tahun 1975 dan di Sabah dan Sarawak mulai 1976. Selepas itu semua sekolah menengah kerajaan termasuk di Sabah dan Sarawak dikehendaki menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sehingga Tingkatan 6 pada tahun 1982. Perubahan ini menggambarkan satu keadaan untuk menuju ke arah integrasi nasional sebab murid akan berkongsi satu persekitaran dan bahasa yang sama. Ini akan mewujudkan peluang dan ruang untuk murid berinteraksi (Ting, 1978; Wan Hashim, 1981; Vasta, 1992) sepenuhnya di sekolah